

PEMBANGUNAN EKONOMI MASYARAKAT CAM DI KEMBOJA

**JAMIL OSMAN
NIK ASARI MOHD. ALI**

Menurut kajian sejarah, masyarakat Cam berasal dari negara Campa iaitu sebuah kerajaan yang satu ketika dahulu terletak di tanah rata sepanjang persisiran pantai laut China Selatan dan dataran tinggi di barat tanah rata. Kawasan ini merupakan sebahagian besar dari negara Vietnam. Kerajaan Campa telah wujud sejak tahun 192 Masehi¹ lagi. Akibat dari kekalahan dalam beberapa siri peperangan, sejak tahun 939 hingga tahun 1832 maka negara tersebut jatuh ke tangan Vietnam sepenuhnya. Akhirnya masyarakat Cam terpaksa melarikan diri ke negara-negara seperti Kampuchea dan negara-negara lain di Asia Tenggara. Sementara negara mereka telah pun diluputkan dari peta dunia.

Keseluruhan masyarakat Cam adalah beragama Islam, walaupun pada asalnya mereka menganuti agama Hindu dan Buddha. Kehidupan masyarakat Cam dipengaruhi oleh penjajahan seperti Vietnam, Cina, India dan akhir sekali penjajahan Perancis ke atas Indochina. Namun dengan pegangan Islam yang kuat, maka kebudayaan dan peradaban mereka tidak mudah di patahkan. Kebudayaan mereka tidak jauh berbeza dengan masyarakat Melayu. Paras muka, pakaian dan kebudayaan mereka memang hampir mirip dengan Melayu, khasnya melayu Kelantan². Ini adalah kerana telah terjalin hubungan yang erat antara orang-orang Cam dan Melayu beragama Islam iaitu kaum minoriti terbesar di negara Kampuchea (Kemboja³). Pada hari ini mereka ini dikenali dengan nama Melayu-Cam di negara tersebut. Adalah dianggarkan tidak lebih dari setengah juta orang Melayu-Cam yang menetap di negara Kampuchea⁴. Dalam makalah ini kami mengutarakan secara umum pembangunan ekonomi dan perkembangan pendidikan dan pentadbiran agama, serta peranan luar dalam membantu untuk meningkat pendidikan dan pembangunan masyarakat Islam di Kemboja. Dan akhir sekali, kami mencadangkan beberapa langkah untuk menggerak dan mengubah perkembangan ekonomi dan pendidikan yang lebih baik dan sesuai untuk generasi masa depan.

Ekonomi dan Kemiskinan di Kemboja

Kampuchea atau Kemboja, adalah merupakan antara negara yang termiskin di dunia. Hampir 74% dari penduduknya bergantung hidup pada bidang pertanian iaitu 43% daripada KDNK nya disumbangkan oleh hasil pertanian (2000) dan hanya 20% sahaja dari bidang industri. Dalam tahun 1999, per kapita KDNK ialah US\$710.00.

Berdasarkan *Human Development Report 2002, Human Development index⁵ (HDI)* bagi negara Kemboja ialah 0.543, yang meletakkan Kemboja di tempat 130 dari 173 buah negara di dunia⁶. Walau bagaimanapun negara Kemboja telah berubah kedudukannya dari status “low human development” ke “medium human development” dan ini menunjukkan perubahan dari aspek ekonomi. Kadar kemiskinan di kalangan penduduk Kemboja keseluruhannya masih terlalu tinggi. 36% daripada penduduknya hidup di bawah paras kemiskinan dengan pendapatan di antara US\$0.46 ke US\$0.63 sehari. Lebih dari 70% penduduk Kemboja yang bekerja di sektor pertanian dan hampir 79% daripada petani yang hidup di bawah paras kemiskinan. Peratus penduduk yang bekerja dengan pekerjaan bergaji hanya 15%, dengan purata gaji bulanan US\$43 sebulan. Kadar buta huruf yang tinggi adalah antara faktor utama kumpulan yang miskin ini tidak dapat menyerap arus pembangunan negara yang sedang membangun. Sementara kaum wanita di Kemboja pula masih merupakan kaum yang tersisih dari pendidikan, pekerjaan, pemilikan tanah dan pemilikan harta-harta lain dan mereka tersisih akibat dari kurangnya perwakilan dalam jabatan-jabatan kerajaan⁷.

Strategi pembasmian kemiskinan (*National Poverty Reduction Strategy*) adalah merupakan agenda utama bagi kerajaan Kemboja merangkumi tahun 2003-2005. Di antara tindakan yang akan diambil ialah untuk meningkatkan taraf kehidupan masyarakat luar bandar, menambah peluang pekerjaan di pelbagai sektor, memberi layanan yang saksama pada kaum wanita dan kumpulan minoriti dan yang utama ialah mempertingkatkan kadar pertumbuhan ekonomi negara secara lebih menyeluruh. Strategi ini adalah penting kerana pertumbuhan penduduk hanya lebih pesat berbanding peluang pekerjaan. Manakala, sumber tenaga hanya 5.5 juta orang atau 66 % daripada jumlah keseluruhan penduduk. Ini menunjukkan pertumbuhan tahunan sebanyak 2.5 %. Walau bagaimanapun, pertumbuhan sumber tenaga tidak dapat menampung pertumbuhan sumber tenaga. Jadi tidak hairanlah, jika ramai rakyat Kemboja termasuk orang-orang Cam pergi ke luar negara untuk mencari pekerjaan. Malah, ada yang datang ke Malaysia dan bekerja secara tidak sah⁸.

Ekonomi Masyarakat Islam Minoriti di Kemboja

Lebih dari 500,000 orang atau 90% daripada masyarakat Islam minoriti di Kemboja adalah dari kalangan kaum Cam⁹. Oleh itu secara tidak langsung masalah masyarakat Islam di Kemboja adalah juga masalah masyarakat Cam. Umumnya kaum Cam kebanyakannya tinggal di perkampungan Cam dan bekerja sebagai petani dan nelayan. Sebilangan kecil daripada mereka menceburkan diri di bidang perniagaan di Phnom Penh, iaitu ibu negara Kemboja. Masyarakat Cam adalah merupakan golongan minoriti termiskin yang paling ramai. Tidak ramai daripada mereka yang mendapat pendidikan akademik atau professional yang tinggi. Kalau ada pun ramai di antara mereka yang telah membuat pilihan untuk berhijrah ke negara-negara lain yang dapat memberi peluang pekerjaan yang lebih baik dan bergaji lumayan.

Masyarakat Cam seharusnya mengambil kesempatan dari perancangan kerajaan Kemboja untuk menaik taraf golongan termiskin dengan mengadakan berbagai-bagai program yang boleh menguntungkan mereka. Hasrat kerajaan bukan sahaja membawa mereka keluar dari kelompok kemiskinan, bahkan untuk menaikkan taraf ekonomi mereka pada tahap yang lebih tinggi. Sebenarnya masyarakat Cam yang beragama Islam adalah lebih beruntung dari kaum-kaum yang lain di negara tersebut. Selain daripada mendapat perhatian dari kerajaan Kemboja sendiri sebagai kaum minoriti termiskin di negara tersebut, mereka juga sering mendapat perhatian dari masyarakat Islam di luar Kemboja dan juga masyarakat Cam yang menetap di luar Kemboja. Apa yang perlu dilakukan ialah menggembeleng tenaga kepakaran masyarakat Cam sama ada di dalam atau di luar negara bagi mewujudkan rangkaian yang dapat menyalurkan maklumat berdasarkan keperluan dan peluang dalam bidang ekonomi, pendidikan dan lain-lain.

Masyarakat Cam di Luar Kemboja

Apabila tercetus peperangan di Indochina pada tahun 1975, Kemboja telah jatuh ke tangan rejim komunis. Pemerintahan kejam Pol Pot dengan dasar kezaliman dan pembunuhan beramai-ramai *Khmer Rouge* (Khmer Merah) terhadap rakyatnya terutama anggota kerajaan dan cendekiawan serta penghapusan etnik yang beragama Islam khasnya bangsa Cam menyebabkan ramai rakyat Kemboja berhijrah dan menjadi pelarian khususnya ke rantau Asia Pasifik (seperti Thailand,

Malaysia, Indonesia, Filipina, Hong Kong, Jepun, Australia, New Zealand) dan negara Barat (seperti Amerika Syarikat, Kanada, Perancis dan Denmark)¹⁰.

Sebilangan dari pelarian Cam ini telah diberi perlindungan di negara-negara jiran serantau seperti Thailand (2000 orang)¹¹, dan Malaysia (60,000 orang)¹², serta negara-negara Barat seperti Amerika Syarikat (dianggarkan 10,000 orang) dan diikuti oleh Perancis (lebih 1,000 orang), Kanada (400 orang), Denmark (250 orang) dan Australia (400 orang)¹³. Penghijrahan mereka ke negara-negara tersebut telah mendapat layanan yang baik dari kerajaan dan mudah diterima masyarakat. Mereka diberi bantuan yang mencukupi bagi menjalani kehidupan sebagai rakyat biasa. Anak-anak mereka diberi peluang untuk melanjutkan pelajaran di sekolah-sekolah kerajaan hingga ke peringkat tertinggi. Bagi yang mampu bekerja mereka telah diberi peluang pekerjaan. Namun, sebahagian dari mereka sukar menerima pengaruh asing dan membawa kepada masalah pertembungan budaya, peradaban dan agama, khususnya bagi masyarakat Islam yang berhijrah ke negara Barat yang mana generasi muda banyak terpengaruh dan mudah menerima budaya barat ini¹⁴.

Bagi mengelakkan perkara yang tidak diingini berlaku, masyarakat Cam di negara-negara ini telah mewujudkan komuniti mereka sendiri dan mengamalkan kebudayaan tersendiri. Sebagaimana terdapat komuniti masyarakat Kemboja di Kampung Kubu Gajah, Sungai Buluh, Selangor¹⁵. Kewujudan perkampungan seperti ini membentuk keutuhan dan ukhuwah bagi kalangan mereka. Hubungan kemasyarakatan sesama mereka bertambah lebih erat dan kerjasama terserlah dalam kemasyarakatan mereka. Lihat sebagai contoh kewujudan komuniti Islam di USA, mereka berjaya mendirikan surau atau masjid untuk solat berjemaah dan terawih pada bulan Ramadan. Mereka bukan sahaja dapat menjaga kebajikan di kalangan masyarakatnya tetapi juga berjaya mendidik dan membimbing anak-anak dengan memberi pendidikan agama di samping terdapatnya pendidikan kebangsaan di sekolah biasa¹⁶. Oleh hal demikian, ada di antara mereka yang telah berjaya menjadi jurutera, doktor dan sebagainya. Kejayaan ini bukan saja disebabkan faktor kemasyarakatan dan pendidikan lebih baik malah faktor ekonomi yang lebih selesa berbanding dengan kedudukan masyarakat Islam di Kemboja.

Di samping itu, masyarakat Cam yang berada di luar Kemboja ini juga telah berjaya menubuhkan berbagai-bagai persatuan demi menjaga kebajikan dan membantu sesama mereka. Malah mereka juga banyak membantu dan membawa pelbagai sumbangan bantuan (seperti kewangan dan pakaian serta buku-buku agama) kepada masyarakat Islam yang masih menetap di Kemboja dan yang menetap di Vietnam. Penglibatan dalam persatuan atau pertubuhan

bukan saja di kalangan orang tua malah remaja dan pemuda juga aktif dan produktif. Kewujudan pertubuhan dan persatuan ini kebanyakannya terdapat di Amerika Syarikat seperti di California (Fullerton, Modesto, Santa Ana, San Francisco, Sacramento dan San Jose), di Washington (Seattle dan Olympia) dan Pennsylvania (Harrisburg)¹⁷. Sebagai contoh pertubuhan ini ialah *The Cham Refugee Community of Seattle* yang terdapat di Washington. Persatuan ini banyak memberi pelbagai manfaat kepada masyarakatnya terutama hal-hal kesedaran pendidikan dan motivasi. Terdapat juga persatuan lain yang dikelolakan oleh remaja atau penuntut sekolah dan universiti seperti *Cham Students Association of University of Washington* yang telah berjaya menganjurkan pelbagai program dan aktiviti sesama mereka. Program yang berbentuk riadah dan akademik ini menarik perhatian kanak-kanak dan remaja yang telah memberi kesedaran betapa pentingnya hubungan erat di kalangan mereka. Penglibatan dan penyertaan dalam persatuan pelajar ini dapat membimbing dan memberi kesedaran pentingnya kerjasama dalam kumpulan akan mengukuh ukhuwah dan mencegah serta menjauhi anak-anak muda lain terlibat dalam jenayah, perjudian, maksiat dan sebagainya. Malah, mereka juga menyedarkan di kalangan ahlinya tentang bahaya penyebaran agama Kristian dan memikirkan bagaimana untuk menyekat perluasannya seperti yang didapati di perkampungan Islam Cam di Chau Doc dan Phan Rang, Vietnam¹⁸. Mereka yang berjaya dalam pelbagai bidang dalam pengajian tinggi di USA banyak memberi sokongan moral serta bantuan kepada masyarakat Islam Cam di Vietnam dan Kemboja.

Hampir keseluruhan daripada masyarakat Cam yang menjadi pelarian di luar negara telah mendapat taraf penduduk tetap atau kerakyatan di negara-negara tersebut. Mereka bebas menjalankan kehidupan seperti rakyat yang lain. Ramai daripada mereka yang telah mendapat pendidikan tinggi dan memegang jawatan yang baik. Tidak kurang pula yang berjaya dalam perniagaan. Malaysia adalah di antara negara yang paling ramai menerima orang-orang pelarian Cam. Adalah dianggarkan 60,000 orang masyarakat Cam yang menetap di Malaysia¹⁹. Masyarakat Cam ini berasa lebih selesa tinggal di negara Malaysia kerana hubungan antara Cam dan Melayu sudah lama terjalin. Rupa paras, budaya dan pegangan agama mereka tidak banyak berbeza. Itulah sebabnya kehadiran masyarakat Cam ke Malaysia mudah diterima dan diserap ke dalam masyarakat Melayu di Malaysia²⁰. Kedudukan ekonomi masyarakat Cam juga adalah lebih baik. Tidak ramai daripada mereka yang dikategorikan sebagai golongan termiskin. Ini adalah kerana orang Cam adalah satu masyarakat yang rajin bekerja dan mempunyai banyak pengalaman dalam menghadapi kesusahan dan kesengsaraan akibat mereka ditekan oleh penjajah dan peperangan dulu. Daya ketahanan dan budaya berniaga telah menjadi darah daging dalam kehidupan mereka²¹.

Sistem Pendidikan dan Pentadbiran Agama Islam di Kemboja

Secara umumnya, sistem pendidikan Islam di Kemboja agak lemah berbanding dengan negara Islam lain seperti Malaysia. Pengajaran agama Islam diasingkan sama ada waktu dan tempat pengajaran di sekolah kebangsaan di Kemboja. Ini kerana pengajaran agama Islam tidak dikategorikan sebagai sebahagian sukatan pelajaran dan persekolahan kebangsaan. Malah, pembangunan dan penubuhan sekolah agama Islam tidaklah mendapat subsidi atau bantuan daripada perbelanjaan kerajaan dan negara sebagaimana kerajaan Malaysia yang lebih memberi perhatian utama dalam sektor pendidikan berbanding dengan sektor lain. Maka, pendidikan agama Islam tentulah tidak mendapat perhatian sepenuhnya daripada kerajaan. Justeru itu, pembangunan sekolah dan pengajaran pendidikan hanya diusahakan oleh pengusaha individu, badan-badan bukan kerajaan (NGO), pertubuhan kebajikan masyarakat sama ada dalam atau luar Kemboja. Sebagai contoh penubuhan *Maahad Ummul Kura* pada 1998 yang ditadbirkan oleh Nabil Bouchelouh dari Algeria²².

Dalam hal mengusahakan pendidikan dan mendirikan sekolah agama semestinya mengharap dan memerlukan bantuan dan sumbangan dari luar. Ini diakui sendiri oleh Zakaryya Adam (seorang ahli Parlimen Kampung Cham dan berjawatan Timbalan II, Setiausaha Negara Kementerian Kepercayaan dan Agama Kemboja). Beliau sendiri sedang mengusahakan dan mengembangkan pendidikan Islam yang sebenar berpandukan kepada iktibar dan contoh terbaik di Malaysia²³. Beliau sedang menyarankan kaedah penyeragaman dan penyelarasan yang sedang diusahakan dengan mengambil contoh sistem pengajian madrasah di Perak. Malah, penubuhan Madrasah Al-Nikmah Asanawiah²⁴ bagi membolehkan lepasan pondok dapat melanjutkan pengajian dan sebilangannya kemudian akan dihantar ke Kolej Agama di Perak²⁵. Dengan adanya asas pendidikan dan penggunaan bahasa Melayu digunakan kitab-kitab tulisan Jawi ini telah memudahkan pembelajaran dan pemahaman yang lebih cepat dan mudah.

Sebahagian sistem pendidikan dan pengajaran ini tidaklah sistematik kerana kekurangan kewangan menjadi masalah utama. Guru (atau dalam bahasa Cam 'tuan') yang menjadi peranan penting memberi pendidikan agama tidak mendapat gaji tetap atau tidak menentu kerana bergantung terhadap sumbangan dan dermawan orang ramai atau badan-badan tertentu yang juga sedang mencari sumbangan dari pihak luar seperti dari Malaysia, negara-negara Arab dan Amerika Syarikat²⁶. Manakala, pelajar pula tidak mendapat bantuan atau biasiswa kewangan sebagaimana di Malaysia pelajarnya banyak menikmati pelbagai kemudahan yang disediakan oleh kerajaan. Oleh hal sedemikian, pelajar-pelajar

yang mengikuti pengajian agama ini sememangnya tidak terkecuali mengharapkan bantuan dan sumbangan dari sesiapa saja yang ikhlas demi meneruskan dan menamatkan pengajian mereka. Tambahan lagi, permasalahan ini lebih rumit apabila sesebuah kampung Islam ini mendirikan sesebuah masjid yang memerlukan banyak perbelanjaan kewangan. Lihat sebagai contoh, pembinaan Masjid Nur Al-Huda di Kampung Koh Sodin, di Kampung Cham, Kemboja. Ia dianggarkan membelanjakan lebih kurang RM 170,000. Dengan usaha seorang, ustaz Zakaria Awang dari Malaysia (selaku Mudir Madrasah Diniah Ahmadiyah, Jalan Puyoh, Batu 10, Kajang, Selangor)²⁷ dan bersama penggerak utama masjid tersebut, kutipan derma dapat dijalankan di Malaysia dan juga Kemboja.

Pelbagai usaha telah dijalankan demi membangunkan dan mengembalikan perkembangan Islam di Kemboja. Namun demikian, sistem pendidikan dan pembelajaran Islam masih belum terancang dengan baik dan tidak sistematik. Secara umumnya pembahagian kelas mengikut umur sahaja atau darjah mengikut peringkat masih belum diklasifikasikan dengan sempurna. Ia bergantung kepada kebolehan atau kepandaian tertentu sahaja (seperti orang lebih dewasa yang belum pandai membaca akan mengikut kelas awalan). Pembelajaran seharian hanya tertumpu kepada pengajian fardu ain. Pembahagian pengajian ini dapat dikategorikan beberapa peringkat seperti berikut:

- (a) Awalan – lebih mengkhususkan pengajian Muqaddam sahaja (majoriti).
- (b) Pertengahan – pengkhususan pembelajaran Al-Quran dan Tajwid (sebahagian kecil)
- (c) Atasan – tumpuan menghafal ilmu Nahu-saraf (dikenali Tahfiz-muallim) (paling kecil bilangannya).
- (d) Tertinggi – pengajian di luar negeri Kemboja. Kebanyakan penuntut yang tamat dan lulus dalam pengajian Ilmu Nahu-saraf akan dihantar ke luar negeri sama ada pada peringkat pra-universiti dan universiti seperti di,
 - (I) Pakistan – bilangan penuntutnya lebih ramai lebih kurang 500 orang yang berpusatkan di Karachi.
 - (II) Thailand – pelajarnya tidak lebih daripada 500 orang yang tertumpukan di Patani, Yala, Songkla dan Narathiwat (sekarang semakin kurang kerana masalah politik).
 - (III) Indonesia – terbaru, lebih kurang 150 pelajar.
 - (IV) Malaysia – berpusatkan di Pondok Gunung, Kelantan (lebih kurang 20-40 pelajar) dan tempat-tempat lain di Malaysia termasuklah di peringkat universiti seperti di

Universiti Islam Antarabangsa dan Universiti Utara Malaysia.

(V) Negara-negara Arab - seperti Arab Saudi, Libya dan Mesir. Menurut Zakaryya Adam terdapat 100 pelajar mengikuti pengajian Islam di negara tersebut²⁸.

Walaupun sebahagiannya berjaya menamatkan pengajian tinggi ini tetapi sukar bagi mereka untuk mendapat pekerjaan terutama di tempat sendiri. Malah, mereka yang berjaya mendapat peluang pekerjaan di luar kampung-halamannya atau di merata-rata tempat bergantung pada peluang yang ada (yang berjaya hanya ditaja oleh badan-badan tertentu). Ini disebabkan faktor pertumbuhan penduduk yang lebih pesat berbanding peluang pekerjaan²⁹. Satu permasalahan di sini adalah kebanyakan mereka (tenaga pengajar) tidak berminat atau terlibat dalam kancah politik atau persatuan. Mereka hanya tertumpukan terhadap tugas pengajaran semata-mata dan “makan gaji” sekadar cukup untuk menanggung keluarganya sahaja. Sikap seperti ini patut dikikis dan pemikiran baru harus dititikberatkan dan diterimapakai oleh semua masyarakat demi meningkatkan martabat bangsa dan agama.

Dalam hal-ehwal pengurusan dan pelaksanaan pentadbiran agama Islam di Kemboja tidak juga menampakkan perancangan yang baik dan sistematik. Hal ini disebabkan masyarakat Islam baru terlepas daripada kezaliman rejim *Khmer Rouge* yang membawa banyak kemusnahan harta-benda termasuk kitab-kitab pengajian Islam dan juga nyawa umat Islam terutama alim ulama dan cerdikiawan. Ini bermaksud umat Islam di Kemboja dikira baru bebas daripada cengkaman dan kezaliman komunis tidak mengerti sesiapa saja walaupun ibubapanya sendiri akan dibunuhnya jika menentang. Umat Islam seperti baru bangun dan mencari kehidupan sebenar bersama Islam dengan sedikit cebisan dan saki-baki ajaran dan anutan yang dipegang dan diamalkan selama ini. Oleh yang demikian, tidak hairanlan bahawa umat Islam di Kemboja memang dan masih lemah dalam pelbagai bidang terutamanya pendidikan Islam yang sempurna.

Namun demikian, masyarakat Cam³⁰ sedang mencari dan berusaha-gigih menegakkan syiar Islam. Pelbagai usaha dan pelaksanaan ajaran Islam dijalankan walaupun terdapat sedikit sebanyak cacat-cela kerana kurangnya ilmu pengetahuan yang sebenar. Proses pengurusan Islam tidaklah menampakkan sistematik, tidak ada keselarasan dan kurangnya bercorakkan secara formal. Pemegang dan peranan tertinggi dalam agama Islam adalah *Mufti* atau *Changvang* dalam bahasa Khmer. Mufti sekarang adalah Kamaruddin Yusof (dikenali sebagai Tuan Komri) yang banyak memainkan peranan penting dalam

hal melaksanakan pelbagai program dan hal-ehwal agama Islam di Kemboja. *Kasuan Thomka* pula (seperti Majlis Agama Islam Negeri) menguruskan hal Islam di negeri (atau *khaet* Kompong Cham) masing-masing. Manakala, Imam (atau *mam* dalam bahasa Cam) memainkan peranan melaksanakan hal-ehwal berkaitan nikah-kahwin atau majlis agama di daerah atau *srok* dalam bahasa Khmer (peranannya seperti Tok Kadi). Di kampung pula hakim (*kem* dalam bahasa Cam) banyak memainkan peranan penting dalam setiap kampungnya. Di bawah kem ini terdapat pula pembantu-pembantunya yang mempunyai tugas masing-masing.

Lihat sebuah perkampungan Islam yang dikenali Prek Bak, Kompong Cham, Kemboja (terletak lebih kurang 200km dari Phnom Penh). Perkampungan Islam ini mempunyai kira-kira 670 keluarga dan kebanyakan pekerjaan utama mereka adalah petani dan nelayan. Hakim yang diterajui oleh Ahmad bin Yaakob (berperanan seperti Ketua Kampung) menjaga semua hal dalam kampung dan masjid. Beliau (hakim) bukan dilantik tetapi dipilih oleh majoriti penghuni kampung tersebut. Beliau pula mempunyai 4 orang pembantu yang mempunyai peranan dan tugas masing-masing iaitu,

- (a) Pajui I - menjaga semua hal dalam masjid seperti elektrik dan air serta kutipan tabung. Semua hal yang berkaitan akan dilaporkan kepada Hakim dan keputusannya masih bergantung dalam mesyuarat yang diketuai Hakim. Beliau hanya boleh mewakili atau menggantikan Hakim selepas diizinkan seperti Hakim tiada sama ada keluar negeri atau mati, sebelum membuat penggundian. Jawatan ini dipikul oleh Ibrahim bin Ismail.
- (b) Pajui II - menjaga hal-hal yang berkaitan di sekolah agama dan pelajar-pelajar terutama yang berkaitan makanan dan minuman mencukupi atau tidak. Perkara yang kekurangan akan dilaporkan kepada Hakim. Tugas ini dilaksanakan oleh Ismail bin Osman.
- (c) Pajui III - menguruskan semua aktiviti dan teknikal atau majlis agama seperti tahlil atau kematian dan juga menentukan imam, bilal dan khatib untuk mendirikan sembahyang Jumaat atau solat jemaah. Tugas ini dipertanggungjawabkan oleh Said bin Harun.
- (d) Pajui IV - menguruskan hal kewangan dan perbelanjaan seperti membina masjid, serta membuat laporan dan catatan yang akan dibentangkan dalam mesyuarat dalam kampung tersebut. Tugas ini dimainkan oleh Salleh bin Talib.

Kesemua mereka ini tidak mendapat sebarang gaji. Tugas mereka agak berat kerana mendidik kira-kira 450 orang pelajar dan hanya terdapat 5 bilik

darjah sahaja dalam kampung ini³¹. Mereka hanya bergantung kepada sumbangan orang ramai dan sumbangan dari luar. Dalam perkampungan ini terdapat beberapa ustaz-ustaz (tuan-tuan) yang berperanan hanya mengajar ilmu agama (seperti mengaji al-Quran dan Muqaddam) kepada murid-murid di kampungnya. Di antaranya,

- (a) Tuan Kropkhan – mengajar agama kepada murid-murid kampung di rumahnya sendiri. Mereka tidak mendapat gaji daripada mana-mana badan persatuan atau kebajikan. Malah, segala perbelanjaannya ditanggung sendiri dan sebahagiannya mendapat sumbangan dan ehsan orang ramai di kampungnya sahaja. Terdapat 4 orang *tuan kropkhan* di Kampung Prek Bak ini iaitu; (I) Iflah b. Abu Bakar (II) Zaini b. Harun (III) Said b. Haji Ahmad dan (IV) Habsah bt. Muhayiddin.
- (b) Tuan Rumah - mengajar Quran dan kitab Muqaddam untuk kanak-kanak di rumahnya dan kadangkala di madrasah. Mereka juga tidak mendapat sebarang gaji dan terdapat 3 orang tuan ini iaitu (I) Abu Talib b. Muhammad (II) Ahmad b. Mansor dan (III) Harun b. Taib.
- (c) Tuan (Perempuan) – tugasnya mengajar ilmu agama bagi pihak wanita sahaja.

Bantuan luar dalam membangunkan ekonomi dan mengembangkan Islam terhadap masyarakat Melayu-Cam di Kemboja

Pembangunan dan perkembangan ekonomi umat Islam di Kemboja amat lemah dan ketinggalan dalam pelbagai segi dan bidang, namun demikian, pelbagai usaha dan sumbangan giat dijalankan demi membangunkan dan mengembalikan ekonomi bagi masyarakat Islam di Kemboja. Bantuan dan sumbangan ini bukan sahaja daripada kalangan individu tetapi juga badan-badan bukan kerajaan (NGO) termasuklah persatuan-persatuan atau pertubuhan kebajikan dan juga jabatan kerajaan terutamanya dari Malaysia, Negara-negara Arab dan USA. Di sini akan hanya disebutkan beberapa sahaja badan-badan kerajaan dan bukan kerajaan yang telah pun memberi bantuan dan sumbangan kepada masyarakat Islam di Kemboja. Sumbangan dan bantuan ini bukan sahaja berbentuk wang tunai tetapi juga keperluan asas dan juga buku agama dan al-Quran.

Gerakan Ehsan Malaysia (GEM) telah melancarkan lawatan dan memberi sumbangan wang tunai sebanyak RM100,000 dan 500 kotak bungkusan mengandungi ubat-ubatan, pakaian dan makanan³³. Pembinaan sebuah madrasah di Kampung Pra Piang Khatom (kira-kira 150km dari Phnom Penh) yang berharga RM80,000 yang dapat menampung 400 murid-murid untuk menimba ilmu merupakan sumbangan dari Tabung Ehsan Kemboja (TEK)³⁴. Malah, turut meninjau suasana masyarakat Islam Kemboja yang serba susah dan menderita

ini adalah Badan Amal dan Kebajikan Isteri-isteri Selangor (Balqis)³⁵ yang diketuai Datin Seri Zahrah Kechik. Lawatan lebih bermakna lagi apabila Yayasan Jelapang³⁶ merupakan sebuah badan bukan kerajaan (NGO) yang mendapat pengiktirafan daripada Kerajaan Negeri Kedah telah bersimpati setelah melihat penderitaan dan kemiskinan masyarakat Islam di Kemboja. Mereka telah berjaya melaksanakan pelbagai program seperti membuka kelas Bahasa Inggeris untuk kanak-kanak Islam Kemboja dan seramai 30 kanak-kanak dibawa ke Malaysia untuk dilatih dan mengikuti pengkhususan yang disediakan dan juga menubuhkan tabung khas untuk mendapat derma dan sumbangan dari dermawan.

Sementara itu, turut membuat lawatan ke Kemboja adalah bekas Menteri Besar Selangor bersama-sama dengan ahli korporatnya. Sempena lawatan tersebut, mereka sempat membawa dan memberi beberapa 'hadiah' kepada penduduk Islam dan merancang untuk membina sebuah pusat kemahiran Kolej Komuniti Kemboja berharga RM1 juta yang menampung 120 pelajar Kemboja menimba ilmu pengetahuan dan pengalaman dalam bidang-bidang yang diperlukan bagi membangunkan ekonomi negaranya. Manakala, Yayasan Basmi Kemiskinan pula akan membiayai 10 pelajar Kemboja setiap tahun untuk belajar di Selangor. Sumbangan dari syarikat-syarikat swasta Melayu di Selangor bernilai 108 juta riel mata wang Kemboja (kira-kira RM100,000) akan diberikan untuk meningkatkan pendidikan anak-anak Islam di Kemboja³⁷. Malah, rencana atau dokumentari '*Salam Nusantara*' yang disiarkan menerusi TV1, setiap Khamis, jam 11.30 malam, pada tahun 2000 lalu sememangnya mendapat simpati banyak pihak³⁸. Rancangan berbentuk dokumentari itu berjaya memaparkan penderitaan dan kesengsaraan kehidupan umat Islam khususnya masyarakat Melayu-Cam di Kemboja³⁹.

Pendedahan penderitaan umat Islam di Kemboja ini juga mendapat simpati dari Masjid Saidina Umar al-Khattab Bukit Damansara yang telah datang membuat lawatan. Seramai 17 anggota yang diketuai Tan Sri Hanafiah Ahmad (bekas Pengerusi Lembaga Tabung Haji)⁴⁰, telah melawat sebuah perkampungan Islam di Kompong Chhnang. Menurut salah seorang daripada rombongan tersebut, Datuk Shahrudin Haron (bekas Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri) lawatan tersebut amat menyayati hati dan mereka begitu prihatin setelah melihat sendiri penderitaan dan kemiskinan masyarakat Melayu-Cam di Kemboja yang sememangnya serba kekurangan berbanding kehidupan di Malaysia atau Amerika Syarikat. Masyarakat Melayu-Cam ini amat memerlukan bahan asas seperti beras dan pakaian, muqaddam dan al-Quran, telekung dan sejadah, serta ubat-ubatan. Bagi perkampungan di pedalaman pula masalah seperti ini amat ketara ditambah pula dengan tiada kemudahan surau, kelas mengaji al-Quran dan juga tiada guru mengajar kanak-kanak. Tidak

hairanlah, kebanyakan kanak-kanak di sini langsung tidak bersekolah. Oleh yang demikian, rombongan itu telah melancarkan kutipan derma dan sumbangan dipergiatkan untuk membantu masyarakat Islam di Kemboja.

Penderitaan umat Islam di Kemboja juga mendapat simpati daripada Raja Fahd dengan membiayai semua 200 jemaah untuk menunaikan rukun haji di Mekah, Arab Saudi pada satu ketika dahulu⁴¹. Tambahan lagi, demi kepentingan pendidikan dan merapatkan hubungan, Tuan Haji Che Mazlan Saad (Pengerusi Eksekutif Al-Ameen Serves Holding Sdn.Bhd.) telah mengambil Fudhly dan Fadhlattullah (anak kepada Zakaryya Adam, Timbalan II Setiausaha Negara, Kementerian Budaya & Kepercayaan Agama Kemboja) sebagai anak angkatnya. Mereka telah mengikuti pengajian peringkat ijazah di Universiti Utara Malaysia⁴². Semasa membuat beberapa lawatan di perkampungan Islam di Kemboja dengan tujuan mengagehkan sumbangan untuk berbuka puasa dan akikah yang didermakan dari Malaysia, beliau terharu melihat sendiri kemunduran dan kemiskinan di mana-mana di perkampungan Islam di Kemboja. Tetapi beliau amat menyanjung masyarakat Melayu-Cam ini amat berbudi bahasa, berbudaya meraikan tetamu, dan semangat gotong-royong masih erat⁴³.

Walau bagaimanapun, terdapat juga persatuan Kemboja yang aktif mencari bantuan dan mengagehkan sumbangan yang dikumpulkannya kepada masyarakat Melayu-Cam yang daif dan miskin ini seperti Yayasan Pembangunan Umat Islam Kemboja (YPUIK) merupakan sebuah badan bukan kerajaan yang ditubuhkan pada tahun 1996. Persatuan ini berjaya mengadakan pelbagai program seperti mengadakan sesi ceramah agama kepada penghuni Kampung Khbob⁴⁴ dan lain-lain tempat di seluruh Kemboja. Malah, menurut Mufti Kemboja, Okhna Kamaruddin Yusof (Tuan Komri) umat Islam di Kemboja masih memerlukan al-Quran. Al-Quran yang ada sekarang masih belum mencukupi. Mereka memerlukan 500,000 naskah atau sekurang-kurangnya 4 naskah al-Quran bagi setiap keluarga⁴⁵. Bagi sebuah kampung hanya terdapat 10 naskah al-Quran sahaja. Jika ada orang sakit yang memerlukan membaca surah Yasin, mereka perlu meminjamkan dari penghuni kampung atau jiran kampung lain. Dengan bersemangat dan usaha gigih, Tuan Komri bersama yang lain berjaya mendirikan sebuah madrasah atau sekolah yang dikenali An-Nikmah Islamiyyah At-Thanauiyyah di Km 9, Chrang Chamrea (tidak jauh dari Phnom Penh) pada tahun 1999. Madrasah ini berperanan mengumpulkan murid-murid yang telah memasuki sekolah menengah dari seluruh Kemboja untuk satu hingga dua tahun, kemudian mereka akan dilanjutkan pengajiannya di Malaysia seperti di Kelantan (12 orang), di Perak (6 orang) dan di Trengganu (7 orang)⁴⁶. Sememangnya sumbangan dan peranan luar memang banyak memainkan peranannya dalam mempertingkatkan taraf ekonomi penduduk Kemboja.

Perkembangan Masyarakat Melayu-Cam di USA dan peranannya

Masyarakat Melayu-Cam di negara barat membuat penempatan bertaburan serta berjirankan dengan orang tempatan yang mana adat dan budaya tradisinya tidak sama dengan masyarakat Asia. Hal seperti ini amat mempengaruhi masyarakat Islam terutamanya genarasi muda yang mudah lupa kebudayaan dan agama Islam itu sendiri. Malah, mereka dengan bangganya dapat berkahwin dengan orang tempatan yang tidak sebangsa dan seagama. Inilah yang menjadi masalah dan kekurangan pendidikan Islam juga telah memupuskan kehidupan kemasyarakatan Islam seperti yang berlaku di Amerika Syarikat⁴⁹.

Penubuhan *Cham Muslim Community* selalu bertukar nama supaya sesuai dengan keadaan masa dan tempat seperti berikut:

Cham Muslim of Fullerton (1997)

Cham Muslim of Orange County (1998)

*Cham American Muslim of Orange County (27 Julai 1998)*⁵³.

Penubuhan persatuan ini mendapat persetujuan penghuni Cam di Fullerton. Pada mulanya ia (penubuhan persatuan) merupakan satu perjumpaan beramai-ramai untuk menunaikan solat berjemaah. Malah, ia menarik minat jemaah Cam lain untuk menetap dalam satu komuniti kecil ini dan lebih ramai menyertai persatuan ini demi kepentingan masa depan masyarakat dan generasi muda. Carta organisasi seperti berikut,

Presiden	Jagues Krya
Naib Presiden (hal-ehwal luar)	Amine Sales
Naib Presiden (hal-ehwal dalam)	Dusoh Mustapha
Bendahari	1. Gozali Mu 2. Abutalep Mach
Setiausaha	Solaymal
Hubungan Awam	Musa Muhammad
Pemuda	Mohamad Sales
Pengurusan harta	Taha Sales

Cham American Muslim Community ini beralamatkankan P.O Box 210 Pomona, CA 91769. Malah, terdapat banyak lagi persatuan dan pertubuhan bagi masyarakat minoriti Cam di Amerika Syarikat.

Cadangan strategi dan perubahan untuk membangunkan masyarakat Islam di Kemboja

Tahap kesihatan, pemakanan dan pendidikan yang rendah, kadar kematian bayi yang tinggi adalah merupakan faktor-faktor utama yang menyukarkan proses pembasmian kemiskinan secara menyeluruh di Kemboja. Menurut UNICEF, kematian kanak-kanak amat serius yang dianggarkan 110 daripada 1000 orang mati sebelum berumur 1 tahun dan 181 daripada 1000 orang mati sebelum berumur 5 tahun⁵⁴. Sementara itu, hanya 78% daripada kanak-kanak yang mendaftarkan diri ke sekolah rendah dan 14% ke sekolah menengah. Peratus orang dewasa yang celik huruf hanya 71%. Sementara menurut satu sumber laporan penyelidikan dari UNESCO pula peratusnya jauh lebih rendah, iaitu hanya 37%. Di kalangan masyarakat Cam masih ramai yang tidak menghantar anak-anak mereka ke sekolah kebangsaan biasa. Maka tidak hairanlah anak-anak Islam ini juga tidak pernah mengenali sekolah dan sebahagiannya masih buta huruf⁵⁵. Mereka hanya memberi pendidikan agama di sekolah-sekolah persendirian yang tidak mendapat pengiktirafan dari pihak kerajaan. Tidak ramai dari mereka yang mendapat pendidikan vokasional dan teknikal. Akhirnya tumpuan pekerjaan yang sesuai bagi mereka hanyalah dalam sektor pertanian dan perniagaan secara kecilan saja.

Bagi memastikan orang-orang Cam di Kemboja menjadi satu bangsa yang mampu bersaing dan berjaya dalam berbagai-bagai bidang adalah disarankan perlu diberi pendedahan dengan pendidikan yang seimbang antara dunia dan akhirat. Di samping menghantar anak-anak ke sekolah-sekolah agama, mereka juga perlu hadir di sekolah-sekolah biasa yang melatih mereka dalam berbagai-bagai bidang akademik dan professional hingga ke peringkat yang tertinggi. Harapan anak-anak Cam di masa akan datang agar ada yang terdiri dari para doktor, jurutera, peguam, arkitek, ahli sains dan berbagai-bagai lagi. Orang-orang Cam walaupun merupakan golongan minoriti di Kemboja tetapi mereka adalah di antara kumpulan yang berjaya menguasai dalam berbagai-bagai bidang dan merupakan satu bangsa yang berjaya menguasai ekonomi, politik dan sebagainya di negara tersebut. Ini tidak mustahil jika diambil contoh-contoh masyarakat minoriti yang lain yang berjaya. Contohnya kaum Cina di Thailand, Indonesia dan Malaysia. Walau pun mereka adalah merupakan kumpulan minoriti tetapi mereka dapat menguasai ekonomi negara-negara tersebut. Begitu juga dengan kaum Yahudi di Amerika. Mereka adalah merupakan satu bangsa yang minoriti di negara tersebut tetapi dapat menguasai ekonomi dan politik di sebuah negara yang begitu besar dan terpengaruh. Apa yang penting ialah keazaman yang kuat untuk mengatasinya dan keyakinan diri bahawa kita bukan lagi satu bangsa yang lemah. Jadikan peristiwa sejarah sebagai satu pengajaran dan iktibar untuk terus maju. Di antara beberapa strategi yang perlu disusun dan berubah oleh kaum minoriti Cam di

Kemboja adalah seperti berikut:

Latihan dan Pendidikan

Di antara bidang-bidang pendidikan yang perlu diterokai oleh generasi muda masyarakat Cam di Kemboja mahupun di luar negara adalah bidang yang dapat membantu meningkatkan kedudukan masyarakat tersebut seperti pertanian dan perladangan yang lebih canggih atau moden yang dapat membantu negara dan masyarakat tani untuk mempertingkatkan kualiti dan produktiviti tani, bidang pengurusan dan perniagaan, bidang pendidikan, kedoktoran, kejuruteraan, sains dan teknologi, ICT, undang-undang, perakaunan dan sebagainya. Ini kerana pekerjaan yang bergantung terutama pertanian dan perikanan yang terdapat di sepanjang Sungai Mekong dan Tonle Sap tidaklah terjamin. Terdapat berbagai masalah dihadapi seperti ancaman banjir besar, kemarau, serangan serangga perosak dan hakisan tanah sebagaimana telah berlaku hakisan tanah di Koh Sodin, sebuah perkampungan Islam yang terletak di sebuah pulau kecil di tengah Sungai Mekong yang telah mengancam tanaman tembakau terutama pada musim banjir⁵⁶.

Selain daripada itu pelajar-pelajar yang tidak dapat melanjutkan pelajaran ke peringkat tertinggi perlu diberi latihan di bidang vokasional dan kemahiran supaya mereka dapat bekerja di industri-industri yang kian pesat berkembang di negara tersebut. Dalam pendidikan agama, terutamanya tuan-tuan dan hakim-hakim yang memainkan peranan penting dengan memberi pengajaran dan pendidikan agama Islam kepada murid-murid seharusnya lebih mendalami ilmu agama dengan betul dan tepat. Peranan dan sumbangan yang diberikan oleh *The Regional Islamic Dakwah Council of South East Asia Pacific (RESEAP)* dengan menghantar graduan-graduan ke Kemboja untuk memberi latihan dan kursus kepada hakim atau ustaz dan mengadakan kuliah di sana amat bermakna bagi tenaga pengajar di sana⁵⁷. Peluang seperti ini sepatutnya digunakan sebaik-baiknya oleh masyarakat Islam di Kemboja. Perlu diingat bahawa graduan-graduan yang menamatkan pengajiannya di luar negara seharusnya kembali ke Kemboja untuk menyambung dan memberi tunjuk-ajar dan pengajaran serta pendidikan yang tepat dan bernas kepada masyarakat Islam khususnya generasi muda.

Demi mengukuhkan dan menguatkan pendidikan, kerajaan Kemboja telah mengambil inisiatif dan langkah tepat dengan menjalinkan hubungan kerjasama dengan Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia (DBP) untuk meningkatkan martabat bahasa dan bangsa yang serumpun dengan Melayu ini⁵⁸. Menurut Zakaryya Adam (ahli Parlimen), usaha menterjemahkan al-Quran ke dalam Bahasa

Khmer dan menyiapkan Kamus Melayu-Khmer mengikut garis DBP amat memerlukan ketelitian dan mengambil masa agak lama⁵⁹. Malah, kerjasama yang murni ini seharusnya diteruskan dari masa ke semasa demi meningkatkan dan membangunkan masyarakat Islam di Kemboja. Lebih-lebih lagi Dr. T.Y. Abdulcoyaume (bekas pegawai kesihatan di Kemboja) amat mengharapkan hubungan dan kerjasama seperti ini akan mendatangkan dan membawa banyak perubahan dalam masyarakat Islam di Kemboja yang mundur dan serba kekurangan ini⁶⁰.

Sistem Pentadbiran Zakat, Wakaf dan Baitulmal

Sistem pentadbiran zakat, wakaf dan baitulmal di Kemboja yang lebih berwibawa perlu diwujudkan. Pusat ini perlu ditadbirkan oleh ahli-ahli agama dan profesional yang jujur dan berkualiti. Peranan pusat ini ialah memperluaskan kutipan zakat dari masyarakat setempat, bangsa Cam yang menetap di luar negara dan juga masyarakat yang lain dari negara-negara berada yang ingin menunaikan zakat mereka kepada masyarakat Islam di Kemboja. Wang tersebut perlulah ditadbir dan diagihkan kepada yang berhak menerimanya dengan cara yang betul dan berkesan. Di mana wang tersebut benar-benar dapat membantu dan membawa mereka keluar dari kelompok yang digolongkan termiskin ini. Sebagaimana yang dijalankan oleh Persatuan Kebajikan Islam Kemboja yang sentiasa berusaha gigih untuk mengutip zakat dan derma (serta korban) dari dalam dan luar negara khususnya dari Malaysia dan kemudiannya mengagihkannya kepada penduduk Islam merata-rata di Kemboja. Bagi melaksanakan ibadah aqiqah (seperti kambing), bayarannya hanya RM400 sahaja termasuk harga seekor kambing, jamuan dan kos pengurusan dan juga penghantaran⁶¹.

Selain daripada wang zakat, terdapat juga tanah-tanah wakaf di Kemboja yang perlu diusahakan dengan betul supaya ia dapat dijadikan satu aset yang lebih produktif. Contohnya dengan mendapatkan pelabur-pelabur Muslim dari dalam atau luar negara yang dapat melabur ke atas tanah tersebut bergantung kepada kesesuaiannya⁶². Selain dari zakat dan wakaf, baitulmal juga boleh dijadikan sebagai pusat yang mengembelengkan apa saja punca kewangan seperti wang jariah dari masyarakat Islam dari dalam dan luar negara, korban dan lain-lain. Baitulmal ini bukan sahaja menjadi pusat penerimaan wang atau penderma dari kalangan kaya-raya tetapi juga dari golongan yang berpendapatan rendah. Ini dapat dilihat penduduk Islam yang bekerja sebagai petani dan nelayan di sepanjang Sungai Mekong dan Tasik Tonle Sap juga memberi dan mendermakan 10 peratus daripada pencariannya kepada Baitulmal termasuklah yang paling rendah pun kira-kira 20 riel sebulan⁶³. Adalah diharapkan pusat ini bukan sahaja akan menjadi

satu pusat yang dapat membantu menyelesaikan masalah ekonomi dan kemiskinan, sosial dan pendidikan masyarakat Islam di Kemboja. Sekiranya berjaya ia adalah merupakan satu pusat yang paling berjaya dan terbaik bukan sahaja di serantau tetapi juga di dunia.

Institusi Kewangan dan Koperasi Islam dan lain-lain

Perlu juga diwujudkan institusi-institusi kewangan Islam seperti Bank Rakyat atau Tabung Haji di Malaysia yang dapat mengembelengkan simpanan, melabur dan memberi pinjaman kepada masyarakat Islam di Kemboja. Perlu juga diperkenalkan Ar-Rahnu dan sistem mikrokredit seperti Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) di kalangan masyarakat Islam di Kemboja. Masyarakat Islam perlu mewujudkan hanya sebuah koperasi yang berwibawa yang dapat bergerak secara lebih berkesan dengan mengembelengkan kutipan saham ahli-ahli dan dilaburkan dalam perniagaan-perniagaan yang berpotensi dan menguntungkan. Koperasi ini juga boleh membantu masyarakat dalam sektor-sektor pertanian sebagai orang tengah bagi memasarkan hasil tanaman yang dikeluarkan oleh petani-petani. Perniagaan mereka tidak terikat hanya kepada orang-orang Islam atau Cam, tetapi juga kepada sesiapa sahaja.

Usahawan Kecil dan Sederhana

Anak-anak muda perlu diberi latihan dalam bidang keusahawan supaya lebih ramai dari kalangan anak muda Cam akan datang menjadi sebagai usahawan kecil, sederhana dan seterusnya menjadi usahawan yang berjaya. Mereka perlu diberi pendedahan di dalam dan mungkin lebih baik dibawa keluar negara melalui agensi-agensi luar atau dalam. Mereka seharusnya diberi pinjaman bagi memulakan perniagaan yang berpotensi. Pinjaman ini bolehlah dilakukan melalui sistem kewangan Islam atau sistem mikrokredit yang dicadangkan di atas tadi⁶⁴.

Ini diakui sendiri oleh Abdul Kader (salah seorang ahli Parlimen dari Pursat, kira-kira 165km dari Phnom Penh) bahawa mereka (masyarakat Islam) mempunyai impian untuk memajukan diri tetapi masalahnya kekurangan modal dan sumber yang terhad. Oleh sebab itu, mereka amat sangat dan terpaksa mengharapkan bantuan dari luar terutamanya dari Malaysia yang jauh lebih maju dan membangun⁶⁵. Di samping itu, usahawan yang telah berjaya sepatutnya menjadi pendorong dan menggalakkan usahawan kecil dan sederhana ini lebih gigih dan aktif bersaing dalam bidang perniagaan ini. Usahawan seperti Othman Hassan (juga seorang ahli Parlimen) selaku pemegang francais motosikal Modenas⁶⁶ di Kemboja seharusnya diambil iktibar dan dijadikan contoh untuk meningkatkan kemajuan masyarakatnya.

Pusat Pengumpulan dan Penyebaran Maklumat

Perlu diwujudkan pangkalan data tentang kepakaran orang-orang Cam di seluruh dunia dan maklumat-maklumat tentang jenis perdagangan dan produk yang dapat didagangkan melalui jaringan Cam. Dengan cara ini akan menjadi lebih mudah segala maklumat berkaitan dengan produk atau perkhidmatan dapat dipasarkan ke seluruh dunia. Lebih-lebih lagi penggunaan internet yang lebih cepat dan pantas ini dapat mencari maklumat dengan segera dan menjimatkan masa. Bagi masyarakat Cam di Amerika Syarikat telah wujud di kalangan anak-anak muda mereka menggunakan *teleconference* yang tercanggih berbanding di Kemboja⁶⁷.

Dengan adanya inisiatif dan daya usaha gigih YB Ahmad Yahya (seorang ahli Parlimen) berjaya mendapatkan saluran siaran radio buat pertama kali dan tunggal bagi masyarakat Islam Kemboja menikmati dan mendapat maklumat terbaru dan terkini. Walaupun, siaran ini hanya sejam sahaja dari jam 5-6 petang dan diudarkan menerusi FM93.05 dengan menggunakan sebahagian bahasa Khmer dan Melayu-Cam sepenuhnya akan memudahkan masyarakat Islam terutamanya pada pengumuman hari raya puasa dan korban serta waktu-waktu masuknya solat⁶⁸.

Penubuhan Persatuan dan Pertubuhan Kebajikan untuk masyarakat Islam sepatutnya menjadi pusat pengumpulan dan penyebaran maklumat serta memberi berbagai bantuan kepada masyarakat Islam yang amat memerlukannya. Terdapat beberapa persatuan dan pertubuhan di Kemboja yang menjadi harapan bagi masyarakat Islam seperti:

- (a) Samakum⁶⁹ Islam Kampuchea.
- (b) Samakum Khmer Islam Kampuchea.
- (c) Samakum Islam Preah Reach Anachakr.
- (d) Samakum Islam Cam Kampuchea.
- (e) Cambodian Muslim Development Foundation and Cambodian Islamic Development Community⁷⁰, dan
- (f) Persatuan Pembangunan Wanita Islam Kemboja (CIWODA)⁷¹

Secara ringkas dapat dirumuskan bahawa kemiskinan dan pendidikan yang lemah di Kemboja yang diharungi bukan saja bagi masyarakat Khmer tetapi juga masyarakat minoriti Islam terutamanya masyarakat Melayu-Cam yang serba kekurangan dan daif bagi pandangan umat Islam di dunia. Penderitaan dan kesangsaraan masyarakat Islam ini mendapat simpati dan prihatin serta ada keinginan untuk membantu dan menyumbangkan bukan sahaja secara individu tetapi juga dari badan-badan bukan kerajaan (NGO) dan juga jabatan kerajaan terutamanya dari Malaysia, Amerika Syarikat dan negara-negara Arab.

Terdapat bantuan dan sumbangan dari luar negara untuk diberikan dan disalurkan demi membangunkan ekonomi secara efektif dan produktif dan meningkatkan pendidikan secara menyeluruh dalam bidang agama yang dapat berganding bersama-sama dengan arus pembangunan berteknologi dan efisien ini. Perlu diingat, sikap dan perubahan pada diri sendiri harus diambil kira untuk mengubah dan membangunkan martabat bangsa sendiri. Lihat pada perkembangan dan pembangunan masyarakat minoriti Islam (masyarakat Cam) ini yang terdapat di Amerika Syarikat yang berjaya mewujudkan satu komuniti kecil ini demi keutuhan dan kekuatan untuk bekerjasama dalam mengharungi arus pembangunan yang pesat. Kekuatan dan keutuhan komuniti mereka bukan sahaja dapat menjaga kebajikan dan kesatuan mereka tetapi juga dapat menyalurkan bantuan dan sumbangan kepada masyarakat Islam di Kemboja dan Vietnam. Terdapat beberapa langkah dan perubahan yang perlu dilaksanakan demi membangunkan ekonomi dan pendidikan masyarakat Islam di Kemboja.

NOTA AKHIR

¹ Adi Taha dan Po Dharma. *Busana Campa: Rumpun Melayu di Vietnam*, Kuala Lumpur: Jabatan Muzium dan Antikuiti dan EFEO, 1998, hlm. 6

² Kebudayaan dan Peradaban Melayu-Cam memang hampir sama dengan Melayu, rujuk dalam (*Al-Islam*, Februari 2000) hlm. 70.

³ Istilah 'Kemboja' lebih popular digunapakai di Kepulauan Melayu khususnya di Malaysia.

⁴ Anggaran bilangan masyarakat Melayu-Cam yang tepat belum mendapat kepastian yang sebenar, Anggaran ini boleh rujuk dalam (*Al-Islam*, Januari 2001) hlm. 38

⁵ Kingdom of Cambodia, *National Poverty Reduction Strategy 2003-2005*, Council for Social Development.

⁶ Ibid, hlm. 10.

⁷ Terdapat 2 orang Islam daripada 62 senator dan 11 orang Islam daripada 122 ahli Parlimen di Kemboja (*Al-Islam*, Januari 2001) hlm. 38

⁸ *Al-Islam*, Januari 2001, hlm. 41.

⁹ Bilangan etnik Cam ini lebih tepat berdasarkan kajian dibuat oleh Ysa Osman yang menghasilkan sebuah buku bertajuk 'Oukoubah', rujuk (*Berita Harian*, 14 Ogos 2002) hlm. 22.

¹⁰ *Berita Harian*, 16 Feb. 1997, hlm. 12

¹¹ Muinuddin Ahmad Khan, *Muslim Communities of Southeast Asia, A Brief Survey*, Bangladesh: Islamic Foundation, Islamic Cultural Centre, Chittagong, 1980, hlm. 97.

¹² Bilangan terbaru dianggarkan 60,000 orang Kemboja terdapat di Malaysia, rujuk kertas kerja dibentangkan oleh Mohamad Zain Musa di (Kolokium Peradaban Melayu Kawasan Timur Laut, Anjuran Dewan Bahasa & Pustaka Wilayah Timur, di Kota Bharu) pada 18-20 September 2001, hlm 3.

¹³ Huynh Dinh Te, *Proceeding of the Seminar on Champa*, 1994, hlm. 116.

¹⁴ Maka segelintir menghantar anak-anaknya untuk belajar di Malaysia supaya mendapat pendidikan Islam yang sebenar seperti di International Islamic School yang terletak di Jalan Gombak dan juga International Islamic University Malaysia (UIA) Gombak.

¹⁵ *Harian Metro*, 29 Januari 2002, hlm. c9.

¹⁶ *Berita Minggu*, 16 Februari 1997, hlm. 12

¹⁷ Rujuk dalam majalah atau risalah yang dikeluarkan setiap tahun oleh masyarakat Cam Islam di USA dalam (Bangsa Champa, *Bulletin of the Cham Muslim Communities in the U.S.*, December 1999).

¹⁸ Ibid

¹⁹ Anggaran 60,000 masyarakat Melayu-Cam (lebih popular dipanggil Kemboja) sebagaimana termaktub dalam kertas kerja Mohamad Zain Musa dalam (Kolokium Peradaban Melayu Kawasan Timur Laut, Anjuran Dewan Bahasa & Pustaka Wilayah Timur, di Kota Bharu) pada 18-20 September 2001, hlm. 3.

²⁰ *Al-Islam*, Februari 2000, hlm. 70.

²¹ Terdapat banyak kajian ilmiah yang dilakukan oleh mahasiswa di Malaysia terutama di UKM dan UM tentang kehadiran masyarakat Kemboja di Malaysia dan bagaimana mereka membuat penempatan berdasarkan atau sumber perniagaan (khususnya perniagaan kain) dijalankannya, seperti kajian ilmiah oleh Raizul Azni b. Zolkepli tentang 'Penglibatan Masyarakat Campa Dalam Perniagaan Kain di Parit Buntar, Perak', di Jabatan Pengajian Asia Tenggara, FSSS, UM, sesi 1996/97.

²² Sekolah ini terletak kira-kira 20km dari Phnom Penh dan menempatkan 580 pelajar dalam satu kampus serta 30 guru (atau tuan dalam bahasa Cam) dan juga dibahagikan 2 sesi iaitu pagi belajar agama dan petang belajar Khmer dan juga dibahagikan kelas 1-12, dan lepasan kelas 12 akan dihantar belajar di pusat pengajian tinggi di universiti yang digariskan atau dianjurkan oleh pengusaha, sila rujuk (*Berita Minggu*, 18 Februari 2001, hlm. 17)

²³ Zakaryya Adam selalu menekankan pendidikan Islam Kemboja harus berlandaskan dan berpandukan Sunnah wal-Jamaah yang berangkaian sebagaimana terdapat di Malaysia, Thailand dan Indonesia. Sila rujuk Kertas Kerja dibentangkan oleh Zakaryya Adam di *Seminar Islam di Pusat-pusat Pengajian Tinggi ASEAN ke-3*, Anjuran Fakulti Pengajian Islam UKM dan Kerajaan Negeri Melaka, di Century Mahkota Hotel Melaka, pada 5-7 November 2001).

²⁴ Terletak di Chroui Metri kira-kira 60km dari Phnom Penh merupakan salah satu daripada 300 perkampungan Islam di Kemboja (*Utusan Malaysia*, 8 Oktober 2000, hlm.39)

²⁵ Rujuk dalam *Utusan Malaysia*, 8 Oktober 2000, hlm.39

²⁶ Hanya guru yang mengajar di sekolah kerajaan saja mendapat gaji RM 60 sebulan manakala anggota polis berpangkat rendah memperolehi RM100 sebulan, lihat *Mingguan Malaysia*, 21 April 2002, hlm. 29.

²⁷ Lihat majalah *Hidayah*, Julai 2002, hlm. 28. Perlu dijelaskan disini bahawa contoh seperti ini bukan ini sahaja tetapi terdapat banyak lagi badan-badan dan dermawan yang sudi memberi sumbangan.

²⁸ *Utusan Malaysian*, 8 Oktober 2000, hlm. 39

²⁹ *Al-Islam*, Mac 2001, hlm. 38

³⁰ Dalam kontek orang Khmer masyarakat 'Cam' lebih popular dikenali Khmer Islam dan perkampungan Islam ini pula dikenali 'Phum Cam' dan 'Cam' menunjukkan orang Islam, rujuk dalam (*The Muslim World League*, Januari 1983, hlm. 4)

³¹ Temuramah bersama Ahmad b. Yaakob, salah seorang Hakim Kampung Prek Bak, Kompong Cham pada 24 Mei 2004.

³² Lihat *Harian Metro*, 3 Jun 2001, hlm. 25.

³³ Lihat *News Straits Times*, 30 Mac 2001, hlm. 7

³⁴ *Harian Metro*, 15 April 2001, hlm. 25.

³⁵ *Berita Minggu*, 13 Oktober 2002, hlm. 11.

³⁶ *Berita Harian*, 2 Mac 2001, hlm. 1

³⁷ *Berita Harian*, 2 September 1996, hlm. 8

³⁸ *Berita Harian*, 22 Januari 2000, hlm. 3.

³⁹ *Berita Harian*, 4 April 2000, hlm. 16

⁴⁰ *Berita Harian*, 9 April 2000, hlm. 7

⁴¹ *Harian Metro*, 15 April 2001, hlm. 25

⁴² *Al-Islam*, Januari 2003, hlm. 48.

⁴³ *Al-Islam*, Mac 2001, hlm. 38.

⁴⁴ *Al-Islam*, Julai 2001, hlm. 40

⁴⁵ *Al-Islam*, Mei 2001, hlm. 39.

⁴⁶ Ibid.

⁴⁷ *Berita Harian*, 16 Feb.1997, hlm. 12

⁴⁸ Huynh Dinh Te, *Proceeding of the Seminar on Champa*, 1994, hlm. 116.

⁴⁹ Maka segelintir menghantar anak-anaknya untuk belajar di Malaysia supaya mendapat pendidikan Islam yang sebenar seperti di International Islamic School yang terletak di Jalan Gombak dan juga International Islamic University Malaysia (UIA) Gombak.

⁵⁰ Rujuk dalam majalah atau risalah yang dikeluarkan setiap tahun oleh masyarakat Cam Islam di USA dalam (Bangsa Champa, *Bulletin of the Cham Muslim Communities in the U.S.*, December 1999).

⁵¹ Sila rujuk dalam internet (<http://207.82.250.251/cgi-bin/getmsg?disk...&msg=MSG903721310.4&start=990488&len=13072>), 22/Ogos/1998.

⁵² Ibid

⁵³ *Bangsa Champa*, *Bulletin of the Cham Muslim Communities in the U.S.*, Disember 1999, hlm. 10.

⁵⁴ *News Straits Times*, 30 Mac 2001, hlm. 7

⁵⁵ *Berita Minggu*, 7 Mei 2000, hlm. 6

⁵⁶ *Al-Islam*, Mac 2001, hlm. 41

⁵⁷ Kertas Kerja dibentangkan oleh Mohamad Zain Musa di Seminar Islam di Pusat-pusat Pengajian Tinggi ASEAN ke-3, di Century Mahkota Hotel, Melaka, pada 6-7 November 2001.

⁵⁸ *Mingguan Malaysia*, 7 Julai 2002, hlm. 29

⁵⁹ *Utusan Malaysia*, 8 Oktober 2000, hlm. 39. Kamus Dewan Bahasa Melayu-Bahasa Khmer ini disusun oleh Zakaryya Adam dan Mohamad Zain Musa, seorang Pensyarah Kanan di Universiti Kebangsaan Malaysia. Kamus tersebut dijangka diterbitkan pada tahun 2006.

⁶⁰ Kertas Kerja dibentangkan oleh Dr. T.Y. Abdulcoyaume di International Seminar Muslims' Rights in Non-Muslim Majority Centuries, di Kuala Lumpur, pada 21-22 September 1999.

⁶¹ Ini dinyatakan oleh pengerusi persatuannya, Hassan Basri dalam akhbar *Berita Minggu*, 18 Februari 2001 hlm. 7

⁶² Model Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam di Malaysia (YPIEM)-yang mengembelikan kutipan dan agihan wang jariah dari masyarakat Islam.

⁶³ Kertas Kerja dibentangkan oleh Mohamad Zain Musa di Seminar Islam di Pusat-pusat Pengajian Tinggi ASEAN ke-3, di Century Mahkota Hotel, Melaka, pada 6-7 November 2001.

⁶⁴ Model MARA di Malaysia boleh dijadikan sebagai satu contoh. Mungkin juga mereka boleh di dedahkan dengan model-model yang lain yang lebih sesuai dari negara-negara seperti Thailand dan Indonesia.

⁶⁵ *Harian Metro*, 5 September 2004, hlm. 44

⁶⁶ *Al-Islam*, November 2001, hlm. 10

⁶⁷ <http://www.isna.net/Horizons/article.asp?issueid=6&artid=9&catid=1&fromall=1,6/3/200468>. Temuramah bersama Sulayman b. Abu Samah (salah seorang pengacara siaran radio bagi masyarakat Islam di Kemboja) pada 1 Jun 2004.

⁶⁹ Samakum adalah istilah Bahasa Khmer bermaksud Persatuan.

⁷⁰ Rujuk Kertas Kerja yang dibentangkan oleh Mohamad Zain Musa di Seminar Islam di Pusat-pusat Pengajian Tinggi ASEAN ke-3, di Century Mahkota Hotel, Melaka, pada 6-7 November 2001.

⁷¹ *Al-Islam*, November 2001, hlm. 11.

RUJUKAN

- Adi Taha dan Po Dharma. 1998. *Busana Campa: Rumpun Melayu di Vietnam*, Kuala Lumpur: Jabatan Muzium dan Antikuiti dan EFEO.
- Laporan Khas, Kingdom of Cambodia. 2006. *National Poverty Reduction Strategy 2003-2005*, Phnom Penh Council for Social Development.
- Mohamad Zain Musa dan Nik Hassan Suhaimi. 2003. *Masyarakat CAM Sepanjang Zaman*, Kuala Lumpur: Ikatan Ahli Arkeologi Malaysia.
- Mohamad Zain Musa. 2003. "Masyarakat Cham di Malaysia: Tinjauan di Negeri Kelantan" dalam *Peradaban Melayu Timur Laut*. A. Aziz Deraman (Pnyt.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka. p. 156-178.
- Mohamad Zain Musa, 2001. Masyarakat Cham Selepas Suku Abad di Malaysia: Tumpuan di Negeri Kelantan. *Kolokium Peradaban Melayu Kawasan Timur Laut*, Anjuran Dewan Bahasa & Pustaka Wilayah Timur, di Kota Bharu, 18-20 September 2001.
- Muinuddin Ahmad Khan. 1980. *Muslim Communities of Southeast Asia. A Brief Survey*, Bangladesh: Islamic Foundation, Islamic Cultural Centre, Chittagong.
- Raizul Azni b. Zolkepli, 1997. *Penglibatan Masyarakat Campa Dalam Perniagaan Kain di Parit Buntar, Perak*, B.A. Thesis, Department of Southeast Asian Studies, Fakulti of Arts and Social Sciences, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Te, Huynh Dinh (Translator), 1994. *Proceeding of the Seminar on Champa*, Rancho Cordova, California: Southeast Asia Community Resource Center.

Akhbar

Berita Harian
Harian Metro
Mingguan Malaysia
News Straits Times
Utusan Malaysia

Jurnal

Al-Islam, Feb 2000; Jan 2001. Jan, Jul, Mac, Mei and Nov 2001.
Bangsa Champa, Bulletin of the Cham Muslim Communities in the U.S, Disember 1999 dan 2001.
Hidayah. Julai 2002.
The Muslim World League, Januari 1983.

Internet

<http://207.82.250.251/cgi-bin/getmsg?disk...&msg=MSG903721310.4&start=990488&len=13072>, 22/Ogos/1998.
<http://www.isna.net/Horizons/article.asp?issueid=6&artid=9&catid=1&fromall=1>, 6/3/2004

Interviews

Ahmad bin Yaakob, Hakim (Ketua Kampung) Prek Ba', Kompong Cham, Kemboja. 24 Mei 2004.
Sulayman bin Abu Samah, pengacara siaran radio khas untuk masyarakat Islam di Kemboja, 1 Jun 2004.